

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8209**

**SOALAN:**

**Tuan Tan KokWai [ Cheras ] mintaMENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan dan tindakan yang diambil polis ke atas Tun Dr. Mahathir yang semakin agresif mengasak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak untuk melepaskan jawatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah membuka dua kertas siasatan terhadap aduan yang dibuat terhadap Tun Dr Mahathir Mohamed iaitu berkait Klang Report 33074/14 dan disiasat di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan. Kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk ulasan dan arahan lanjut setelah siasatan selesai dijalankan.**

**Selain kes tersebut, pihak polis juga menjalankan siasatan berkait Jinjang Report 18448/2015 dan disiasat di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara pada 9 Oktober untuk arahan selanjutnya.**